

PERJANJIAN BELAJAR

PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan tahun (selepas ini dirujuk sebagai "**Perjanjian ini**")

ANTARA

Pelajar yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 2 (a) hingga (e) Jadual I** Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelajar**") sebagai Pihak Pertama.

DAN

Kolej Universiti INSANIAH adalah merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Pengajian Tinggi Swasta, 1996 yang beralamat di Lot 3449, Kampus Kuala Ketil, Baling, 09300, Kedah Darul Aman (selepas ini dirujuk sebagai "**KUIN**") sebagai Pihak Kedua.

DAN

Penjamin I yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 4 (a) Jadual I** Perjanjian ini DAN Penjamin II yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 4 (b) Jadual I** Perjanjian ini (selepas ini disebut sebagai "**Penjamin-penjamin**") sebagai Pihak Ketiga.

(Pihak Pertama, Pihak Kedua dan Pihak Ketiga boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak Perjanjian" atau secara bersesama sebagai "Pihak-pihak Perjanjian").

ADALAH MENYAKSIKAN seperti berikut:-

BAHAWASANYA PELAJAR sedang mengikuti program pengajian di KUIN, yang mana maklumat secara terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 2 (b) Jadual I** Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Program**") telah bersetuju dengan segala terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KUIN bagi tujuan Perjanjian ini.

BAHAWASANYA KUIN adalah merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang dikawal dan dikendalikan oleh Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. (Syarikat No. 604474-X) yang menawarkan program dalam pelbagai bidang pengajian Islam dan kursus profesional yang mengasimilasikan prinsip Syariah, dari peringkat diploma hingga doktor falsafah (P.H.D).

DAN BAHAWASANYA PENJAMIN-PENJAMIN telah bersetuju untuk menjamin pelaksanaan oleh Pelajar terhadap kewajipan dan tanggungan-tanggungannya di bawah

Perjanjian ini dan selanjutnya telah bersetuju untuk melepaskan tanggungan KUIN terhadap apa-apa jua yang mungkin ditanggungnya akibat daripada kemungkiran oleh Pelajar terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI oleh kesemua pihak Perjanjian perkara-perkara berikut:

1. TANGGUNGJAWAB/OBLIGASI PELAJAR

Adalah dipersetujui dan diakui bahawa Pelajar memahami isi kandungan serta kesan Perjanjian ini dan bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan segala terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

2. TEMPOH KUATKUASA DAN STRUKTUR JADUAL BAYARAN

- 2.1 Jumlah yuran pengajian program, yuran pendaftaran, yuran pentadbiran dan lain-lain kos bagi tujuan Perjanjian ini adalah sepertimana yang dinyatakan di **Perkara 3 Jadual I** dan diperincikan di **Jadual II** Perjanjian ini.
- 2.2 Tempoh dan struktur jadual bayaran bagi tujuan Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Struktur Jadual Bayaran**") adalah sepertimana yang dinyatakan di **Jadual III** Perjanjian ini. Peruntukan dalam Jadual III Perjanjian ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan persetujuan kedua-dua pihak. Jadual III Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

3. TANGGUNGJAWAB/OBLIGASI PENJAMIN-PENJAMIN

- 3.1 Syarat-syarat Penjamin-Penjamin adalah seperti berikut:
 - i. kedua-dua penjamin dan saksi mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia;
 - ii. kedua-dua penjamin mestilah berpendapatan tetap;
 - iii. had umur adalah tidak kurang daripada dua puluh satu (21) tahun;
 - iv. Penjamin I hendaklah terdiri daripada ibu atau bapa atau Penjaga Pelajar dan Penjamin II terdiri daripada individu yang mempunyai pertalian persaudaraan atau tidak dengan Pelajar;
 - v. bukan muflis, tiada rekod jenayah dan tiada tindakan mahkamah; dan
 - vi. waras.
- 3.2 Adalah dipersetujui dan diakui oleh Penjamin-Penjamin seperti berikut:
 - 3.2.1 bahawa Penjamin-Penjamin memahami kesan dan liabiliti sebagai Penjamin dan bersetuju bersesama dan berasingan untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan segala terma-terma dan syarat-syarat oleh Pelajar yang terkandung dalam Perjanjian ini dan selanjutnya untuk menanggunggrugi KUIN terhadap segala liabiliti-liabiliti

kerugian kehilangan kos perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh KUIN berikutan kemungkiran Pelajar dalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

3.2.2 bahawa jika pada bila-bila masa berkuatkuasanya Perjanjian ini salah seorang atau kedua-dua orang Penjamin-Penjamin:

- i. Meninggal dunia;
- ii. Gila atau tidak waras;
- iii. Tidak lagi menetap di Malaysia;
- iv. Berada di luar Malaysia untuk satu tempoh lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut;
- v. Akan diadjudikasi menjadi muflis atau bankrap; atau
- vi. Apa-apa keadaan yang menggugurkan kelayakan sebagai penjamin

Pelajar atau seseorang daripada Penjamin-penjamin yang masih ada hendaklah dalam tempoh tidak melebihi **TIGA PULUH (30) HARI** daripada tarikh berlakunya keadaan-keadaan di atas (yang mana terawal) bagi mendapatkan seorang atau orang-orang mengikut mana yang berkenaan, yang sedia dan bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini selaku Penjamin-penjamin untuk menggantikan tempat Penjamin-penjamin yang perlu digantikan tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "**Penjamin-penjamin Gantian**") dan memaklumkan kepada pihak KUIN untuk tindakan lanjut dan disetujui terima oleh KUIN sebagai pengganti.

4. PEMAKAIAN DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Sekiranya Pelajar dan Penjamin-Penjamin gagal membayar keseluruhan jumlah yuran pengajian dan lain-lain kos bagi tujuan Perjanjian ini yang terakru dan kena bayar oleh Pelajar kepada KUIN, dalam tempoh yang ditentukan KUIN, pihak KUIN berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin tanpa rujukan lanjut kepada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin kesan daripada pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini oleh Pelajar. Kos berkaitan yang terakru termasuk kos guaman adalah di bawah tanggungan Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin.

5. PEMBACAAN DOKUMEN-DOKUMEN LAIN

Pihak-pihak dalam Perjanjian ini bersetuju bahawa Surat Tawaran Pengajian (atau seumpama dengannya) dan mana-mana dokumen berkaitan pengajian Program Pelajar dan Jadual-jadual yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini.

6. REPRESENTASI DAN WARANTI

6.1 Pihak Perjanjian dengan ini memberi waranti dan mengakui bahawa Perjanjian ini sah dari segi undang-undang dan menjadi obligasi yang mengikat setiap pihak berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

- 6.2 Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin memberi jaminan bahawa pelaksanaan semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab Pelajar dan serta tidak melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, dekri, perintah, kebenaran atau apa-apa kontrak atau mana-mana larangan yang tertakluk ke atas Pelajar atau mana-mana harta atau asetnya yang akan mengganggu-gugat kemampuan Pelajar untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

7. NOTIS-NOTIS

- 7.1 Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin hendaklah memberikan kepada KUIN alamat mereka yang terkini (selepas ini disebut "**alamat terakhir yang diketahui**") untuk tujuan penyampaian apa-apa dokumen atau notis yang berkaitan dengan Perjanjian ini. Penyampaian apa-apa dokumen atau notis di bawah Perjanjian ini dianggap efektif sekiranya ia disampaikan ke alamat terakhir yang diketahui.
- 7.2 Apa-apa notis atau maklumat yang diperlukan atau diberikan kuasa oleh Perjanjian ini untuk diberikan di antara Pihak Perjanjian kepada masing-masing hendaklah dimajukan juga kepada pengetahuan Penjamin-Penjamin.
- 7.3 Apa-apa notis atau maklumat yang diperlukan atau diberikan kuasa oleh Perjanjian ini untuk diberi kepada mana-mana pihak di sini kepada pihak yang lain ke alamat terakhir yang diketahui hendaklah diberikan dengan cara:-
- a) serahan tangan; atau
 - b) serahan pos berdaftar ; atau
 - c) serahan menggunakan transmisi faksimili; atau
 - d) lain-lain komunikasi yang dipersetujui bersama.
- 7.4 Apa-apa notis atau maklumat lain yang dihantar melalui pos yang tidak dipulangkan kembali kepada pengirimnya dengan tanda "*tidak sampai*" hendaklah dianggap sampai ke tangan penerima pada hari keempat belas (14) selepas tarikh mengepos ke alamat terakhir yang diketahui dan dianggap sebagai bukti yang kukuh bahawa notis tersebut atau maklumat lain itu telah selamat diterima.
- 7.5 Jika apa-apa notis atau maklumat lain dihantar melalui transmisi faksimili atau apa-apa yang menyamainya maka ia hendaklah dianggap telah selamat dihantar pada tarikh transmisi tersebut, dengan syarat sesalinan notis atau maklumat susulan tersebut telah dihantar kepada penerima tersebut ke alamat terakhir yang diketahui dalam masa tujuh (7) hari selepas transmisi.

- 7.6 Sebarang perubahan alamat surat menyurat Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin hendaklah dimaklumkan secara bertulis dalam kadar segera tanpa sebarang kelewatan yang disengajakan kepada KUIN.

8. LAIN-LAIN

8.1 Tempoh Masa

Masa yang dinyatakan di mana-mana dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai intipati kepada Perjanjian ini.

8.2 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini termasuklah apa-apa jadual atau lampirannya yang berkaitan dengan apa-apa perkara di dalam Perjanjian ini membentuk keseluruhan perjanjian di antara Pihak Perjanjian. Perjanjian ini mengatasi semua perjanjian dan aturan yang telah dibuat sebelum daripada ini (sama ada secara bertulis atau lisan) di antara Pihak-pihak Perjanjian. Tiada sebarang perjanjian, terma, syarat atau obligasi yang akan digunapakai (sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada yang telah dinyatakan secara tersurat atau tersirat) KECUALI apa-apa yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam Perjanjian ini dan sebarang pengubahsuaian atau pemindaan yang dilakukan secara bertulis oleh KUIN atau Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin (dengan kebenaran dan persetujuan KUIN). Jika terdapat konflik di antara Perjanjian ini dengan mana-mana jadual atau lampiran, terma-terma di dalam Perjanjian ini akan mengatasi dan diutamakan.

8.3 Pengasingan

Jika terdapat mana-mana klausa di dalam Perjanjian ini didapati tidak sah dari segi undang-undang atau terbatal atau tidak boleh dikuatkuasakan, mana-mana salah satu daripada keadaan tersebut tidak akan memberi kesan kepada mana-mana klausa lain di dalam Perjanjian ini.

8.4 Pindaan

Peruntukan dalam klausa-klausa Perjanjian ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan persetujuan kedua-dua pihak, dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

8.5 Kos Duti Setem

Kos duti setem dan lain-lain kos bagi tujuan Perjanjian ini adalah di bawah tanggungan Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin.

8.6 Perjanjian Mengikat

Perjanjian ini adalah mengikat Pihak-pihak Perjanjian, penerima serahan hak dan penama-penama yang diberikuasa oleh KUIN dan mengikat Pelajar dan/atau Penjamin-penjamin termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) pewaris, pemegang amanah, pelaksana dan pentadbir harta masing-masing.

8.7 Tiada Perkongsian

Perjanjian ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai membentuk apa-apa perkongsian atau tiada pihak pun yang mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa transaksi dengan tujuan untuk mengikat pihak yang lain.

8.8 Pengetahuan

Pengetahuan atau akuisens oleh mana-mana pihak di sini mengenai apa-apa kemungkiran terhadap mana-mana syarat atau terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai pelepasan terhadap semua syarat dan/atau terma tersebut atau sebahagian daripadanya. Pengetahuan atau akuisens tersebut tidak akan menghalang kedua-dua pihak di sini untuk menuntut hak masing-masing di dalam Perjanjian ini dan/atau untuk menuntut supaya pihak yang satu lagi mematuhi dan melaksanakan syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

8.9 Pemakaian Undang-Undang

Perjanjian ini hendaklah ditadbir atau ditafsir di dalam segenap aspek mengikut undang-undang Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau tuntutan yang timbul di bawah Perjanjian ini tidak berjaya diselesaikan melalui perbincangan di antara kedua-dua pihak dalam tempoh **TIGA PULUH (30) HARI** atau dalam tempoh lain yang disepakati bersama dari tarikh pertikaian tersebut berlaku atau mana-mana yang relevan, maka pihak-pihak di sini bersetuju untuk menyelesaikannya mengikut bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah di Malaysia.

Ruang yang seterusnya dibiarkan kosong dengan sengaja.

PERAKUAN DAN AKUJANJI PELAJAR

Dengan ini saya mengaku bahawa saya sudah membaca dan memahami semua isi kandungan Perjanjian ini dan sesungguhnya berwaad dan berakujanji bahawa saya akan mematuhi segala terma dan syarat Perjanjian ini.

Saya juga memahami bahawa sekiranya saya melanggar atau tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini, pihak KUIN berhak untuk menuntut keseluruhan jumlah yuran pengajian dan lain-lain kos bagi tujuan Perjanjian ini yang terakru dan kena bayar oleh saya kepada KUIN di sepanjang tempoh pengajian Program saya di KUIN dan akur serta maklum bahawa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap saya dan/atau Penjamin-Penjamin saya sekiranya saya gagal membuat pembayaran.

Saya dengan ini menurunkan tandatangan saya sepertimana di bawah bagi menyaksikan segala terma dan syarat Perjanjian ini dan akur dengan tanggungjawab dan obligasi yang bertanggung ke atas saya dan juga Penjamin-Penjamin saya di bawah Perjanjian ini.

Ruangan yang seterusnya dibiarkan kosong dengan sengaja.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak yang tersebut di dalam Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan pada tarikh yang dinyatakan di atas.

PIHAK KUIN)
Ditandatangani oleh Rektor/Wakil)
bagi pihak KUIN)

.....
(Tandatangan Rektor/Wakil)

Disaksikan oleh:

.....
(Tandatangan Saksi)
Nama Saksi:
No. K/P:
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

PELAJAR)
Ditandatangani oleh Pelajar)

.....
(Tandatangan Pelajar)
Nama Pelajar:
No. K/P:

Disaksikan oleh:

.....
(Tandatangan Saksi; Kakitangan KUIN)
Nama Saksi:
No. K/P:
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

PENJAMIN-PENJAMIN)
Ditandatangani oleh Penjamin I)

.....
(Tandatangan Penjamin I)
Nama Penjamin I:
No. K/P:

Disaksikan oleh:

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi:

No. K/P:

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

Ditandatangani oleh Penjamin II)

.....
(Tandatangan Penjamin II)

Nama Penjamin II:

No. K/P:

Disaksikan oleh:

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi:

No. K/P:

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

JADUAL I

(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

BIL	PERKARA	BUTIR-BUTIR				
1.	Tarikh Perjanjian:				
2.	<u>BUTIRAN PELAJAR</u>					
(a)	Nama Pelajar: No. K/P. Pelajar:				
(b)	Program Pengajian: Tempoh Pengajian:				
(c)	Alamat Pelajar	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="480 1283 641 1583">Alamat tetap</td> <td data-bbox="641 1283 1361 1583">.....</td> </tr> <tr> <td data-bbox="480 1583 641 1879">Alamat surat-menyerat</td> <td data-bbox="641 1583 1361 1879">.....</td> </tr> </table>	Alamat tetap	Alamat surat-menyerat
	Alamat tetap				
Alamat surat-menyerat					
(d)	No. Telefon Pelajar				

(e)	No. Telefon Ibu/Bapa
3.	Amaun keseluruhan terakru (<i>yuran pengajian dan lain-lain kos bagi tujuan Perjanjian ini</i>)	RINGGIT MALAYSIA (RM) sahaja (<i>Perincian bagi jumlah sepertimana di Jadual II</i>)
4.	<u>BUTIRAN PENJAMIN</u>	
(a)	Nama Penjamin I No. K/P: Alamat No. Telefon
(b)	Nama Penjamin II No. K/P: Alamat No. Telefon

JADUAL II
(bagi Perkara 3 Jadual I)
PERINCIAN YURAN DAN LAIN-LAIN KOS BERKAITAN PERJANJIAN INI
(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

JADUAL III

STRUKTUR JADUAL PEMBAYARAN

(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

LAMPIRAN SALINAN DOKUMEN-DOKUMEN

1. Satu (1) salinan kad pengenalan Pelajar yang telah diakusahkan;
2. Satu (1) salinan kad pengenalan Penjamin I yang telah diakusahkan;
3. Satu (1) salinan kad pengenalan Penjamin II yang telah diakusahkan;
4. Surat Tawaran/Kelulusan Program yang telah diakusahkan; dan
5. Surat Tawaran/Kelulusan Pembiayaan yang diakusahkan (sekiranya berkenaan).

(Nota: Perlu dilampirkan bersama di dalam Perjanjian ini).

